

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA, DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Majlis Perasmian Karnival Sejarah 2011

**HARI ISNIN,
4 REJAB 1432 BERSAMAAN 6 JUN 2011
JAM 9:30PAGI**

**BERTEMPAT PUSAT PENEMUAN MINYAK DAN GAS
(OGDC), SERIA, KUALA BELAIT**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin was-Sallatu was-Sallamu ala Assyarafil Mursalin Saidina Muhammaddin wa'Ala Alihi wa-Sahbihi Ajama'in

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Mulia
Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman,
Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei selaku Pengerusi Majlis

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengetua Pusat Sejarah

Yang Berhormat
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mohd. Jaafar,
Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan

Yang Mulia
Dato Paduka Awang Sa Bali bin Haji Abas,
Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Awang Haji Hashim,
Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba,
Pegawai Daerah Belait

Yang Mulia Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei

Yang Mulia,
Pengarah-Pengarah
Pegawai-Pegawai Kanan
Guru-guru,

Para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua kita dapat sama-sama hadir dimajlis yang berkebakikan ini iaitu Majlis Perasmian Karnival Sejarah 2011.

Dikesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Pusat Sejarah Brunei atas kejayaan Jabatan ini menganjurkan Karnival Sejarah 2011. Adalah diharapkan supaya pameran seumpama ini mempunyai kesinambungan dengan dilaratkan keseluruhan daerah bagi menyebarkan dan memasyarakatkan sejarah dengan lebih terbuka kepada seluruh warganegara ini.

Karnival Sejarah ini adalah salah satu landasan yang signifikan bagi menarik minat semua lapisan masyarakat untuk mendekati sejarah Negara bangsanya, terutama golongan belia.

Dalam masa yang sama, saya berseru kepada pihak individu yang memiliki apa jua bahan yang boleh menjadi sumber pensejarahan negara bangsa (nation state) akan tampil mengkongsisama maklumat berkenaan, supaya ia dapat dimanfaatkan dan menambah khazanah koleksi sejarah Negara bangsa kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sejarah adalah suatu catatan peristiwa tentang kehidupan masyarakat masa lampau. Sejarah amat penting dalam kehidupan berbangsa dan bernegara kerana sejarah itu guru kehidupan atau '**historiaest magistra vitae**', yang didalam nya mengandungi berbagai pengajaran dan perkara

penting yang boleh dijadikan panduan, terutama dalam sesuatu perancangan, perkembangan dan kemajuan sesebuah negara bangsa. Yang lebih signifikan ialah dengan mempelajari sejarah dan mengambil iktibar daripada sejarah rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dapat mengisikan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara dengan lebih bermakna dan bijaksana.

Justeru itu, sejarah negara bangsa itu perlu diketahui, difahami dan diserapkan keseluruhan lapisan masyarakat supaya ia diketahui oleh setiap orang. Bangsa yang tidak mengetahui sejarah Negara bangsanya adalah bangsa yang sudah lupa kepada purih dan asal mereka. Mereka adalah merupakan bangsa yang kehilangan maruah dan identiti diri, dan tidak mempunyai tuju arah dan pedoman dalam mengharungi arus dan cabaran pembangunan.

Demi untuk mengukuhkan semangat berbangsa dan bernegara, Peristiwa masa lalu negara bangsa, perlu disebarluaskan. Kerana generasi muda perlu mengetahui dan mempunyai penghayatan sejarah kegemilangan bangsa serta liku liku, jatuh bangun dan maju mundur yang dilalui oleh bangsa dan negara didalam arus pembangunan dan tamadun bangsa sehingga kita mencapai kemerdekaan dan kedaulatan yang di nikmati masa kini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Selain meneroka, mencari, menyelidik, dan mendokumentasi usaha menyebarkan dan menyerapkan perolehan penyelidikan sejarah Brunei itu perlu berterusan tanpa '**hentian**', kerana sejarah itu sendiri sentiasa berkembang berdasarkan penemuan-penemuan dalam penyelidikan.

Oleh itu, saya menyarankan supaya Pusat Sejarah Brunei terus berusaha mencari kaedah kaedah baru sebagai pendekatan yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masyarakat. Selain itu, saya berharap karnival sejarah seumpama ini perlu diadakan secara berterusan, dan dilaratkan ke sekolah-sekolah dan kampung-kampung di seluruh negara.

Pendekatan yang digunakan untuk mengisi karnival ini juga perlu dicari supaya bersifat lebih kreatif, inovatif, dan proaktif bagi memudahkan ia '**menyerapi minda**' setiap lapisan masyarakat di Negara ini. Kita ingin melihat warga Brunei Darussalam ini celek sejarah bangsa dan negara, dan matlamat untuk **merakyatkan** sejarah itu dapat dicapai.

Sehubungan dengan ini juga , **Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan melibatkan Pusat Sejarah akan menganjurkan "Pertandingan Penuturan-Analisa Sejarah" (History Telling and Analysis Competition) bagi Belia Belia dan Penuntut Penuntut Sekolah Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara".** Didalam peraduan ini nanti para peserta bukan sahaja mengungkapkan peristiwa peristiwa sejarah tetapi juga menghuraikan akan mustahak dan signifikannya kepada pembangunan dan

pengukuhan bangsa yang berpegang kepada konsep Melayu Islam Beraja.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Saya telah difahamkan bahawa tema Karnival Sejarah 2011 ini ialah '**Sayang Brunei**'. Pembentukan tema ini setentunya berlandaskan senario perjalanan sejarah Brunei itu sendiri yang menuntut warga dan penduduk Negara ini menyayangi dan menyintainya supaya ia terus kekal sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka lagi berdaulat hingga ke akhir zaman.

Saya percaya pameran-pameran yang akan di saksikan mengandungi elemen-elemen kecintaan kepada raja, agama, bangsa, dan Negara sebagai **pamor** untuk mengharungi perkembangan dunia masakini. Dalam waktu yang sama penyertaan daripada masyarakat di daerah ini, dan pameran koleksi peribadi, serta pameran Syarikat Minyak Shell Brunei, akan mewarnai karnival ini dengan tujuan memberi maklumat kepada para pengunjung tentang fakta sejarah, budaya dan masyarakatnya.

Hasil pameran itu nanti dihasratkan dapat menyuntik masyarakat memahami sejarah dan budaya bangsa Brunei. Di sampingitu, diharapkan juga pameran dan kegiatan karnival yang diusahakan ini dapat memupuk dan melahirkan semangat patriotisme serta mengukuhkan ketaatsetiaan kepada raja, agama, bangsa, dan negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya berharap karnival yang dilancarkan pada pagi ini akan dapat menggamit dan membuka pintu hati setiap para pengunjung untuk memahami sejarah negara bangsa kita. Dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Pusat Sejarah kerana dapat mendekatkan sejarah kepada masyarakat khususnya di Daerah Belait.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassallamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.